

21/08/2002

Kempen miliki komputer tidak terjejas

Kadir Dikoh; Daud Awang

PUTRAJAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berpendapat pembatalan skim pengeluaran caruman pembelian komputer (SPPK) melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), tidak menjejaskan kempen satu rumah satu komputer yang dihasratkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, orang ramai boleh mencari sumber lain untuk membeli komputer kerana harganya tidak mahal, malah boleh disewa pada harga RM50 sebulan.

"Saya memang tak senang dengan menggunakan duit KWSP untuk tujuan-tujuan lain. KWSP bertujuan untuk membiayai sara hidup selepas bersara. Tapi kalau sebelum bersara kita belanja habis duit itu, esok jadi masalah.

"Komputer bukan nak ada (pakai) sampai mati... kalau rumah tak apa juga. Rumah kita boleh duduk sampai bila-bila tapi komputer lama-lama akan "ketinggalan". Lepas itu nak cari duit di mana nak beli komputer?.... semua duit dipinjam habis dah.

"Itu bukan tujuan KWSP. Saya bersetuju diberhentikan selain daripada penyelewengan," katanya selepas majlis penyempurnaan Tasik Putrajaya di sini, petang ini.

Ditanya mengapa hanya sekarang skim itu dibatalkan selepas tiga tahun dilaksanakan, Dr Mahathir berkata apa pun dibuat oleh kerajaan sama ada lebih awal atau menunggu sehingga satu tempoh yang lama lagi akan dikritik.

Beliau berkata demikian mengulas pengumuman KWSP semalam bahawa kerajaan membatalkan SPPK berkuat kuasa serta merta.

Pengerusi Lembaga KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata tindakan itu diambil berikutan beberapa penyelewengan yang dikenal pasti berlaku dalam pelaksanaan skim berkenaan.

Sebelum ini, KWSP sudah menggantung SPPK selama tiga bulan mulai 27 Jun lalu bagi membolehkannya menjalankan kajian lengkap mengenai keberkesanan skim itu berikutan beberapa penyelewengan yang dikenal pasti membabitkan skim berkenaan.

Sementara itu, di Melaka, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan akan mencari kaedah lain untuk memperluaskan penggunaan komputer di kalangan rakyat berikutan pembatalan SPPK.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu bagi memastikan revolusi digital boleh dinikmati semua pihak terutama golongan berpendapatan rendah.

"Sebagai satu pendekatan, mungkin kerajaan akan membekalkan komputer kepada rakyat supaya mereka boleh menggunakan teknologi ini.

"Ini penting supaya tidak ada pihak yang akan ketinggalan," katanya kepada pemberita selepas majlis penutup konvensyen Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) di Melaka hari ini.

Abdullah berkata, SPPK diperkenalkan untuk kebaikan pencarum tetapi ada di kalangan mereka sanggup menyalahgunakan kemudahan itu untuk mendapatkan wang tunai dan bukannya komputer.

"Skim ini adalah masalah kerana ada orang yang beli komputer kemudian jual balik untuk dapat wang tunai.

"Ini amalan yang tidak baik dan boleh merugikan diri mereka sendiri," katanya.